



**INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA  
(FRIM) 52109 KEPONG, SELANGOR DARUL EHSAN**

Tarikh: 11 Jun 2013

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

**1. JAWATAN**

- (a) Jawatan/Gred : PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q41  
(b) Bidang : ETNOBOTANI/BOTANI  
(c) Taraf : KONTRAK  
(d) Bilangan : SATU (1) KEKOSONGAN  
(e) Tempoh : 2 TAHUN  
(f) Jadual Gaji : i) Gaji pokok bulanan RM2145.88 min - RM6871.56  
max  
ii) Imbuhan Tetap Khidmat Awam RM 300.00  
iii) Imbuhan Tetap Perumahan RM 250.00  
iv) Bayaran Bantuan Sara Hidup RM 300.00  
(g) Jumlah Gaji : RM2,995.88 (bagi kelayakan Ijazah Sarjana Muda)  
RM3,514.78 (bagi kelayakan Ijazah Sarjana)

**2. NAMA PROJEK R&D :** *Medicinal Plants in Peninsular Malaysia*

**3. KEUTAMAAN KEPADA CALON**

- (i) Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda/Sarjana dalam bidang Etnobotani/Botani;
- (ii) Boleh mengecam sampel tumbuhan kepada nama saintifik (berpandukan kekunci & deskripsi manuskrip/flora) serta berupaya untuk membuat pengecaman spesimen herbarium yang dikutip melalui projek secara komited;
- (iii) Komited untuk menjalankan kerja luar (i.e. masuk hutan, kampung serta berupaya berkerja dalam kumpulan dan boleh menjalankan tugas tanpa seliaan rapi oleh pegawai penyelia;
- (iv) Mempunyai kemahiran menggunakan perisian komputer (MS Word, Excel, Powerpoint, Adobe Photoshop/Illustrator);
- (v) Mempunyai sifat kepimpinan, bertanggungjawab dalam mengurus aktiviti projek dan personel di bawah seliaan;
- (vi) Mempunyai pengalaman dalam menjalankan survei dan berpengetahuan dalam mengendalikan program komputer (Microsoft Office dan SPSS untuk analisa data); dan
- (vii) Kesanggupan bekerja lebih masa, komited pada kerja luar yang kerap (kesediaan memandu untuk kerja luar), mampu bekerja di bawah tekanan dan tanpa seliaan pegawai penyelia.

#### 4. **UJIAN AMALI**

Calon yang disenarai pendekkan akan dikehendaki menjalani ujian pengecaman spesimen herbarium dan gambar sampel tumbuhan.

#### 5. **SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**  
(Gaji permulaan:Q41: P1 RM2,145.88)
- (iv) Ijazah Sarjana dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan:Q41: P1RM2,664.78)

#### **DAN**

Syarat Lantikan Tambahan: telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan kepada bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Syarat Bahasa Melayu: Lulus di peringkat SPM.

#### 6. **ARAHAN KEPADA PEMOHON**

Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang BPSM/1/1 pindaan 2 yang boleh dimuat turun daripada laman web Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) – [www.frim.gov.my](http://www.frim.gov.my). Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah ditulis Nama Jawatan **PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q41 (K)** dibahagian atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar kepada **Bahagian Sumber Manusia, Blok B3, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) 52109 Kepong, Selangor Darul Ehsan.**

#### 7. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 25 JUN 2013 (Selasa)**

Nota: Borang Permohonan yang diterima selepas waktu pejabat **25 Jun 2013** akan direkodkan. Walau bagaimanapun borang tersebut tidak akan diproses.

#### 8. **CATATAN AM**

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk saringan bagi urusan pelantikan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan ini hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.

Dikeluarkan : Bahagian Sumber Manusia  
FRIM

Tarikh : 11.06.2013